



## Kerajaan kaji laluan baharu feri di Pulau Pinang

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof - Ogos 17, 2023 @ 4:20pm

bhnews@bh.com.my

GEORGETOWN: Kementerian Pengangkutan bercadang melakukan kajian kebolehlaksanaan laluan baharu feri ke lokasi strategik lain di negeri ini termasuk secara usaha sama membabitkan pengendali pelabuhan dan jeti swasta.

Menterinya, Anthony Loke, berkata perkhidmatan feri berpotensi diperluaskan ke pelbagai lokasi membabitkan lebih banyak jeti pendaratan seperti di Straits Quay dan Bayan Lepas, dekat sini.

"Kita tahu ramai yang bekerja umpamanya di Bayan Lepas, jadi itu (perkhidmatan feri) yang diperhatikan sama ada ia boleh dilaksanakan atau tidak dari segi lokasi, perlu ada kerjasama dengan pihak kerajaan negeri selain pemilik jeti dan pelabuhan swasta.

"Sebelum ini kita juga mensyaratkan operator feri menambah sebuah lagi feri sebagai pilihan sekiranya feri sedia ada tidak cukup bagi menampung kapasiti (penumpang)," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Terdahulu, Loke menghadiri Majlis Pelancaran Perkhidmatan Feri Baharu Pulau Pinang yang dirasmikan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Turut hadir, Ketua Menteri, Chow Kon Yeow; Pengerusi Penang Port Sdn Bhd, Datuk Syed Mohamad Syed Murtaza dan Pengarah Urusan Kumpulan MMC Corporation Berhad, Tan Sri Che Khalib Mohamad Noh.

Loke berkata, perkhidmatan feri baharu menghubungkan Pangkalan Sultan Abdul Halim (PSAH) di Butterworth ke Pangkalan Raja Tun Uda (PRTU) merekodkan kira-kira 50,000 penumpang berjalan kaki dan hampir 20,000 penunggang motosikal dalam tempoh enam hari sejak beroperasi 7 Ogos lalu.

Beliau berkata, empat feri yang dinamakan Teluk Bahang, Teluk Kampi, Teluk Duyung dan Teluk Kumbar bernilai RM18 juta setiap satu itu menggantikan feri ikonik selepas operasinya dihentikan pada Disember 2020.

Katanya, feri baharu itu boleh digunakan sebagai produk pelancongan, yang mana syarikat atau ejen pelancongan berminat boleh menyewa feri itu untuk kegunaan majlis keraian atau program persendirian di sekitar perairan Pulau Pinang tertakluk kepada bidang kuasa Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP).

Mengulas tambang feri yang beroperasi secara percuma ketika ini, Loke berkata, PPSB masih meneliti beberapa perkara sebelum mengumumkan kadar tambang berpatutan kepada penumpang.

"Kita turut menjemput pihak yang berminat 'menghidupkan' dua feri ikonik yang kini tersadai dan bersedia mempertimbangkan cadangan bersesuaian bagi memastikan ia boleh dimanfaatkan sebagai produk tarikan pelancong," katanya.